

Headline	Tabung Haji kekal di bawah JPM		
MediaTitle	Suara Keadilan		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	50,000
Page No	2	Readership	150,000
Language	Malay	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 445
Frequency	Weekly	PR Value	RM 1,334



Tabung Haji kekal di bawah JPM

PEJABAT Perdana Menteri mengumumkan bahawa Tabung Haji masih terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kenyataan itu sekaligus menutup berita palsu yang sedang tular mendakwa Tabung Haji akan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan.

“Jemaah Menteri hanya membuat keputusan untuk memindahkan aset yang tidak menguntungkan Tabung Haji kepada syarikat tujuan khas (SPV) milik kerajaan.

“Pemindahan ini ialah sebahagian daripada usaha kerajaan hendak mengembalikan keadaan kewangan Tabung Haji kepada normal dan mempercepatkan pemulihan kewangan institusi tersebut setelah berlaku salah laku secara besar-besaran,” kenyataan itu dipetik.

Kenyataan sama turut memaklumkan bahawa TH dikawal selia Bank Ne-

gara Malaysia (BNM).

Kata kenyataan itu, TH juga diletakkan bawah pimpinan Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus yang mengawal selia semua bank dan institusi kewangan di dalam negara, termasuk institusi kewangan Islam.



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

“TH kekal di bawah bidang kuasa JPM, dan perkara ini tidak berubah dengan pengenalan SPV seperti yang telah dipersejuaikan dalam mesyuarat Kabinet.

“Dakwaan dan tuduhan bahawa TH dipindahkan kepada Kementerian Kewangan adalah palsu dan tidak berasas sama sekali,” kata kenyataan itu.